

⚠ Our website will not be available on 26 January from 8.30pm to 10.30pm due to system maintenance. We apologise for any inconvenience caused.

! Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search ▾

[Home](#) > [Berita Harian](#) > [9 June 1963](#) > [Page 9](#) > Peluang untuk drama2 Melayu

Peluang untuk drama2 Melayu

Berita Harian, 9 June 1963, Page 9

Article also available on Microfilm Reel NL3202

★ Add to Citation

< Previous ArticleNext Article >< Previous PageNext Page >

(1) (2) (3) (4) (5)

Peluang untuk drama2 Melayu

Oleh PANORAMA

Laporan Serba-neka Seni di-sakitar Janah Ayer

AWAL DAN MIRA mula membuka:

SATU perengkat kemajuan telah di-chapai oleh perkumpulan SRIWANA Singapura, apabila drama AWAL DAN MIRA yang di-

Information ^



Newspaper:
Berita Harian

Date:
9 June 1963

Reel Number:
NL3202

Share

Table of Contents ^

< Previous Page 9 Next >

Peluang untuk drama2 Melayu

Peluang untuk drama2 Melayu Oleh PANORAMA
laporan jjerji Janai c^ysr AWAL DAN MIRA mula

ralfj^u~'aj1 di-sebjbkjn penii-Kat ri7a..SULTAN MAHMUD MANC- CI DU'UIANC ini turut b*rgamb*r ni»a a<,3-lah tatu kijiyijQ t*rbj wj*Nibong Tbjl, S«b«yjßl Pril oljh kjum ibu di-ttni dencjn wnru-n Akmjed Long, ya«l tolong mungarjhkjn drjmj ifu bjhjru2 ini. Sambutin baik yang

View Full Table of Contents >

perkenaan mereka beberapa tahun dahulu, telah di-pertunjukkan pula bagi kali pertama dalam siaran Talivishen Singapura baru2 ini. NLB

Ini-lah julong2 kali sa-buah drama Melayu hasil usaha badan seni budaya telah di-siarkan oleh pehak Talivishen Singapura sejak siaran itu di-lancharkan pada bulan Februari yang lalu.

AWAL DAN MIRA pernah di-pertunjukkan oleh SRI-WANA di-panggong Victoria sa-lama dua kali pada tahun 1958. Sa-belum itu drama tersebut pernah juga di-pentaskan oleh badan tersebut di - panggong Broadway, New World.

Gerak

Antara kedua2 pertunjukan itu banyak-lah perubahan telah di-buat, sama ada dari segi gerak lakun, dekorasi, teknik2 lampu, mahu pun setting-nya.

Kejayaan AWAL DAN MIRA dalam tahun 1958 sa-kurang2-nya telah merupakan satu dorongan bagi badan2 drama lain-nya untuk giat mementaskan drama. Oleh sa-tengah2 kritisus dan peminat2 drama pentas Melayu, pementasan AWAL DAN MIRA itu telah di-sifatkan mereka sa-bagai satu pancharan baru dalam dunia tersebut.

Kerana kejayaan2 tersebut-lah barangkali pehak Talivishen Singapura telah tertarek hati untuk menyiaran drama tersebut.

Saperti dengan pertunjukan pentas-nya yang su-dah2, AWAL DAN MIRA melalui telivishen itu telah di-dukong juga oleh pelaku2 lama saperti Fatimah Yassin, Salim Bachik, Osman Zailani dan Maniseh Haji Siraj.

Bakat

Turut juga membantu ia-lah Osman Abdullah, Sari

Tariff, Kasmadi, A.M. Al-kaff, J. Rosmini, Noor Kadir Ambon, Atan Wahab dan Rahman Nasir.

Inche Zain Mahmud, penerbit siaran drama itu, menerangkan bahawa ini-lah perchubaan pertama-nya untuk mengetengahkan drama2 Melayu melalui te-livishen.

Menurut-nya dengan me-ngadakan drama di-telivi-shen itu akan mendorong badan2 lain untuk turut berlumba mempertinggi persempahan seni drama mereka dari sa-masa ka-sa-masa.

Beliau menyatakan perse-diaan-nya untuk menyiarkan sa-barang drama pen-tas yang baik dari badan2 drama Melayu tempatan supaya kemajuan seni pen-tas Melayu akan dapat di-saksikan sama oleh bangsa2 bukan Melayu.

Sementara itu, Inche Ba-ni Buang, pengarang dra-ma tersebut, menyatakan keyakinan-nya pula bahawa dengan peluang yang telah di-berikan kapada-nya un-tuk mengarah AWAL DAN MIRA di-telivishen ia akan dapat mempertajam bakat-nya sa-bagai peng-rah lagi.



Related Articles



No related article found.



National Library Board
Singapore

Contact Us Feedback FAQ



Art Vulnerability Terms of Use Linking Disclaimer Privacy Statement Takedown Policy Browser Compatibility

©2021 Government of Singapore
Last Updated 29 Oct 2019